

Kota Tinggi

Kulim Trail Run 2018 rentas ladang sawit

Johor Corporation (JCorp) menerusi Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) meneruskan penganjuran *Kulim Trail Run 2018* untuk tahun ketiga dengan memilih tiga ladangnya sebagai trek larian bagi cabaran kali ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp merangkap Pengerusi Kulim, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, acara tahun ini lebih menarik dan bermakna kerana dianjurkan sempena 50 tahun penubuhan JCorp.

Katanya, penganjuran *Kulim Trail Run 2018* juga menampilkan kelainan apabila penganjur memperkenalkan tiga siri pertandingan berbanding hanya satu sebelum ini.

“Untuk acara kali ini, peserta akan merentas tiga ladang sawit milik Kulim iaitu Ladang Siang bagi siri pertama pada 15 September lalu diikuti acara larian di Ladang

Basir Ismail untuk siri kedua (10 November) manakala siri ketiga dan terakhir di Ladang Ulu Tiram (15 Disember).

“Penganjur menawarkan hadiah wang tunai RM20,000 kepada peserta di setiap lokasi selain pelbagai hadiah menarik termasuk motosikal sebagai hadiah utama menerusi cabutan bertuah yang akan diadakan,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Kamaruzzaman berkata, penganjuran acara larian itu sejak 2016 adalah inisiatif JCorp menerusi Kulim dalam merealisasikan aspirasi dan seruan kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dan membuat pendaftaran untuk menyertai siri kedua serta ketiga boleh layari www.checkpointspot.asia.